

## **Perkhidmatan Terjemahan Dalam-Talian Malaysia: Satu Kajian Awal**

**Intan Safinaz Zainudin**  
**Quah Chiew Kin**

**Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik**  
**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**

**[intansz@pkriscc.ukm.my](mailto:intansz@pkriscc.ukm.my), [quahmarriott@hotmail.com](mailto:quahmarriott@hotmail.com)**

### **Abstrak**

Dalam era globalisasi ini, pengetahuan dan penggunaan komputer serta Internet tidak boleh dipandang ringan. Pelbagai laman web menawarkan perkhidmatan terjemahan termasuk syarikat yang berpusat di Malaysia. Kertas ini merupakan satu kajian awal yang bertujuan membina satu kompendium perkhidmatan terjemahan dalam laman web oleh individu dan syarikat swasta di Malaysia. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada maklumat tentang aktiviti terjemahan dalam-talian di Malaysia khususnya kerana ketiadaan maklumat sebegini. Ini penting untuk memberi sedikit sebanyak gambaran mengenai industri terjemahan di Malaysia masa kini. Kertas kerja juga akan membincangkan perkhidmatan terjemahan dalam-talian dalam konteks yang lebih luas.

### **Pengenalan**

Perkembangan e-dagang semakin popular dewasa ini dengan wujudnya perdagangan atau perniagaan yang dijalankan menggunakan Internet dalam-talian. Ia kini merupakan cara baru mengiklankan perkhidmatan atau produk tertentu melalui Internet (Stair dan Reynolds 1999: xi). E-dagang melibatkan urusan yang dijalankan melalui saluran elektronik antara sebuah syarikat dengan syarikat yang lain atau antara syarikat dengan pengguna (Stair dan Reynolds, 1999: 22). Industri terjemahan di Malaysia juga tidak ketinggalan melibatkan diri dalam arus perkembangan Internet ini. Sudah ada penterjemah dan syarikat terjemahan tempatan yang menggunakan kemudahan Internet seperti laman web untuk mengiklankan aktiviti terjemahan mereka. Perkembangan pesat dalam penggunaan Internet dan teknologi seperti e-mel dapat menghubungkan individu dari benua yang berbeza dengan pantas dan ini amat bermanfaat bagi penterjemah untuk menggunakannya untuk berhubung dengan pelanggan mereka. Penggunaan e-mel dan Internet ini juga mengglobalkan perkhidmatan penterjemah dan syarikat terjemahan melalui promosi yang dipaparkan di dalam laman web mereka.

E-Jurnal dalam-talian iaitu Multilingual.com ada melaporkan bahawa banyak syarikat terjemahan antarabangsa berjaya, seperti Accurapid, Inc., dan Ralph McElroy Translation Company, mengembangkan perniagaan mereka dengan menggunakan teknologi Internet dan peralatan komputer untuk mempromosi dan menawarkan

perkhidmatan terjemahan mereka (Altanero, 2001). Pemasaran perkhidmatan terjemahan yang efektif menggunakan Internet amat menguntungkan penterjemah bebas dan syarikat terjemahan yang menawarkan perkhidmatan yang memuaskan pada harga yang berpatutan. Oleh kerana keadaan semasa yang banyak bergantung kepada teknologi Internet, para penterjemah di Malaysia tidak menghadkan cara mengiklan dengan menggunakan kaedah lama melalui saluran yang tradisional seperti 'Yellow Pages' atau akhbar-akhbar tempatan. Penterjemah-penterjemah di Malaysia haruslah mempromosi perkhidmatan melalui laman web sendiri atau mendaftarkan diri mereka dalam pangkalan data antarabangsa seperti The Language Site.com atau Aquarius.com.

### **Penterjemah Bebas dan Syarikat Terjemahan di Malaysia**

Di Malaysia, ramai individu yang menggelarkan diri mereka penterjemah dan ini termasuklah syarikat swasta yang menawarkan perkhidmatan terjemahan tetapi jumlah bilangan mereka tidak dapat dipastikan. Menurut Norsuzana Saari dari Persatuan Penterjemahan Malaysia (2003) seramai 1138 orang penterjemah telah berdaftar dengan Persatuan Penterjemahan Malaysia (PPM), manakala seramai 1,000 orang penterjemah pula berdaftar dengan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) (Siti Rafiah Sulaiman, 2004). Jumlah sebenar penterjemah di Malaysia ini agak sukar ditentukan kerana ramai antara mereka yang mendaftar dengan beberapa badan dan persatuan. Quah (1998) menganggarkan bahawa anggaran jumlah penterjemah di Malaysia mungkin jatuh lebih kurang 2,000 – 3,000 orang. Keahlian dalam ITNM atau PPM tidak banyak membantu dalam mempromosikan perkhidmatan mereka. Oleh itu, individu atau syarikat yang berminat untuk menonjolkan perkhidmatan terjemahan mereka haruslah mengambil inisiatif sendiri untuk memperkenalkan perkhidmatan terjemahan mereka di dalam Internet.

### **Objektif**

Persoalan kertas ini ialah berapa ramai penterjemah di Malaysia ini yang menggunakan laman web dalam Internet untuk mempromosikan perkhidmatan mereka. Kertas ini telah mengumpul kesemua alamat laman web yang diiklankan dan daripada data yang dikumpulkan, analisis dibuat tentang perkhidmatan yang ditawarkan, pasangan bahasa yang terlibat, jenis teks yang diterjemahkan dan bayaran yang ditawarkan. Kertas ini juga menganalisis perbandingan antara laman web milik penterjemah tempatan dan luar negara serta melaporkan tentang pangkalan data dan kumpulan elektronik (e-group) yang aktif membantu mempromosikan penterjemah tempatan.

### **Metodologi Kajian**

Kaedah mengumpul alamat laman web dan maklumat mengenai penterjemah dan syarikat ini ialah dengan menggunakan beberapa gelintar cari. Antara gelintar cari yang dipilih ialah *Msn.com.my*, *Yahoo.com*, *Google.com*, *Catcha.com.my*, *Lycosasia.com.my*, *Malaysia Central.com*, *E-Borneo.com* dan *Cari.com.my*. Gelintar cari yang terpilih merupakan gelintar cari antarabangsa dan tempatan.

## Analisis Dapatan

Lebih kurang 9 laman web penterjemah dan syarikat terjemahan yang berdaftar di Malaysia telah dijumpai. Sila rujuk **Jadual 1** di bawah.

Jadual 1: Senarai Penterjemah Bebas dan Syarikat Terjemahan Dalam-Talian Malaysia dan Alamat Laman Web

Penterjemah Bebas Dalam-Talian	Syarikat Terjemahan Dalam-Talian
1. Muhammad Razin bin Abdullah ( <a href="http://www.angelfire.com/biz/razin/index.html">http://www.angelfire.com/biz/razin/index.html</a> )	1. One Stop Computer Centre ( <a href="http://www.1stop.com.my/translation/translation.html">http://www.1stop.com.my/translation/translation.html</a> )
2. Fara Al Qabli ( <a href="http://www.geocities.com/faraalqabli/">http://www.geocities.com/faraalqabli/</a> )	2. K Yip Associates ( <a href="http://kyip.hypermart.net/">http://kyip.hypermart.net/</a> )
3. Abdul Latif Bidin ( <a href="http://www.alb-translation.net">http://www.alb-translation.net</a> )	3. Tinta Jauhari Services ( <a href="http://www.geocities.com/tintajauhari/">http://www.geocities.com/tintajauhari/</a> )
4. Ismail J ( <a href="http://members.tripod.com/ismaziz/terjemahan.html">http://members.tripod.com/ismaziz/terjemahan.html</a> )	4. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) ( <a href="http://www.itnm.com.my/">http://www.itnm.com.my/</a> )
5. Nasima Sarwar ( <a href="http://www.geocities.com/nasimasr">http://www.geocities.com/nasimasr</a> )	

Gelintar cari Msn.com.my telah menjumpai laman web syarikat terjemahan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad atau ITNMB manakala Yahoo.com telah menjumpai laman web syarikat terjemahan dalam-talian One Stop Computer Centre. Catcha.com.my pula telah menjumpai laman web penterjemah bebas Abdul Latif Bidin yang dipanggil ALB Translations. Gelintar cari Cari.com.my telah menjumpai tiga laman web syarikat terjemahan iaitu One Stop Computer Services (juga dalam Yahoo.com), K Yip Associates, Tinta Jauhari Services dan empat laman web penterjemah bebas iaitu Fara Al Qabli, Latif Abidin (juga dalam Catcha.com.my), Mohd Razin Abdullah dan Ismail J. Gelintar cari Malaysia Central telah menjumpai laman web Tinta Jauhari Services (juga dapat dicari dalam Cari.com.my). Google.com pula telah menjumpai dua penterjemah bebas Latif Bidin dan Nasima Sarwar dan beberapa pangkalan data tempatan dan antarabangsa yang menyenaraikan penterjemah tempatan seperti klangvalley.com, Aquarius.com, Foreignword.com dan The Linguists.com.

9 laman web penterjemah dan syarikat terjemahan yang telah dijumpai itu menyediakan maklumat yang penting mengenai perkhidmatan terjemahan mereka seperti latar belakang penterjemah dan syarikat, jenis teks yang diterjemahkan, bahasa yang terlibat, hala bahasa, harga perkhidmatan, cara penghantaran teks dan yang paling penting alamat e-mel untuk memudahkan perhubungan antara pelanggan dan penterjemah bebas dan syarikat yang menawarkan perkhidmatan terjemahan dan pelbagai perkhidmatan lain. Maklumat yang diberikan juga memudahkan pelanggan untuk membandingkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh penterjemah bebas atau

syarikat terjemahan lain. **Lampiran 1** menyenaraikan maklumat yang terdapat dalam laman web mengenai penterjemah bebas dan syarikat terjemahan.

### **Perkhidmatan yang Ditawarkan**

Kesemua penterjemah bebas dan syarikat terjemahan menawarkan perkhidmatan terjemahan dan perkhidmatan lain yang melibatkan bahasa seperti alih suara, sari kata, penyuntingan buku dan penyemakan kerja terjemahan. Ada juga syarikat yang menawarkan perkhidmatan korporat seperti perkhidmatan kesetiausahaan, nasihat korporat serta perkhidmatan menaip dan memasukkan data. Salah satu daripada syarikat terjemahan iaitu syarikat K Yip Associates menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti pengesahan terjemahan, penulisan kopi, interpretasi, juruacara majlis dan penerbitan laman web dan digital. Dua penterjemah bebas iaitu penterjemah Fara Al Qabli dan Abdul Latif Bidin, dan syarikat terjemahan iaitu Tinta Jauhari Services menawarkan khidmat penyuntingan dalam laman web mereka. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad atau ITNMB ialah sebuah badan rasmi di Malaysia yang mengendalikan hal-ehwal terjemahan dan kejubahasaan turut menawarkan pelbagai perkhidmatan lain seperti latihan dan kursus terjemahan, khidmat atur huruf dan penjilidan serta pengesahan terjemahan untuk dokumen rasmi atau dokumen undang-undang.

### **Bahasa**

Kesemua laman web penterjemah bebas dan syarikat terjemahan menggunakan bahasa Inggeris dalam laman web masing-masing, manakala hanya seorang sahaja yang menggunakan bahasa Melayu. Empat daripada laman web tersebut menggunakan dwi-bahasa. Dua penterjemah bebas iaitu Mohd Razin Abdullah dan Fara Al Qabli, dan syarikat terjemahan Tinta Jauhari Services dan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNMB) menggunakan laman web bahasa Inggeris dan bahasa Melayu manakala syarikat terjemahan K Yip Associates menggunakan laman web bahasa Inggeris dan Mandarin. Hampir kesemua penterjemah bebas dan syarikat terjemahan menawarkan perkhidmatan terjemahan dua hala yang melibatkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dua orang penterjemah bebas iaitu Fara Al Qabli dan Nasima Sarwar menawarkan terjemahan satu hala dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Bahasa-bahasa lain yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu ialah bahasa Arab, Jepun, Korea, Perancis dan Mandarin. Rata-rata kebanyakan bahasa yang ditawarkan merupakan bahasa-bahasa yang digunakan di rantau Asia. Tiga daripada sembilan syarikat terjemahan dalam-talian iaitu K Yip Associates, One Stop Computer Centre dan ITNMB hanya menyenaraikan bahasa-bahasa yang ditawarkan tetapi tidak menyatakan hala bahasa. **Lampiran 2** menunjukkan taburan bahasa-bahasa yang diterjemahkan oleh penterjemah bebas dan syarikat terjemahan dalam-talian tempatan.

### **Jenis Teks**

Hampir kesemua penterjemah bebas dan syarikat terjemahan dalam laman web di Malaysia menawarkan perkhidmatan terjemahan pelbagai jenis teks merangkumi teks am seperti brosur, iklan, teks teknikal seperti dokumen teknikal, manual saintifik dan teks perniagaan seperti laporan perniagaan, dokumen pemasaran dan lain-lain. Amnya, kebanyakan syarikat terjemahan dalam talian menawarkan terjemahan teks

dan dokumen untuk pelbagai bidang. Selain terjemahan pelbagai teks atau dokumen, lima daripada sembilan penterjemah bebas dan syarikat terjemahan iaitu Mohd Razin Abdullah, Fara Al Qabli, One Stop Computer Centre, K Yip Associates dan Tinta Jauhari menawarkan perkhidmatan terjemahan laman web dan perkhidmatan teknikal yang lain seperti mereka cipta laman web dan lokalisasi laman web. Jika dilihat daripada **Lampiran 3**, taburan jenis teks yang diterjemahkan oleh penterjemah bebas lebih tinggi berbanding dengan jenis teks yang diterjemahkan oleh syarikat terjemahan. Walau bagaimanapun, tidak semua penterjemah bebas dan syarikat terjemahan ini memberi butiran terperinci mengenai jenis teks yang diterjemahkan. Contohnya, penterjemah bebas Fara Al Qabli memberi butiran yang agak lengkap mengenai jenis-jenis teks yang diterjemahkannya manakala ada penterjemah bebas dan syarikat terjemahan lain tidak menyenaraikan jenis teks tetapi hanya menyatakan dengan ringkas bahawa mereka menterjemahkan teks pelbagai bidang sahaja.

### **Bayaran**

Hanya syarikat terjemahan dalam talian One Stop Computer Centre serta tiga penterjemah bebas Ismail J, Nasima Sarwar dan Latif Abidin yang memberi maklumat tentang bayaran yang dikenakan. Penterjemah bebas dan syarikat terjemahan yang lain hanya menyatakan bahawa bayaran yang dikenakan berpatutan dan akan hanya meletakkan harga sebenar setelah mengetahui panjang dan tahap kesukaran teks yang diberikan oleh pelanggan. **Lampiran 5** memberikan kadar bayaran yang ditawarkan oleh penterjemah bebas dan syarikat terjemahan dalam-talian di Malaysia.

### **Pangkalan Data dan Kumpulan Elektronik**

Didapati ada dua kumpulan elektronik yang wujud di Internet yang berpusat di Malaysia. Mereka membincangkan hal-ehwal terjemahan dan juga merupakan satu medium untuk mempromosikan perkhidmatan terjemahan oleh penterjemah-penterjemah tempatan. Kumpulan elektronik yang pertama ialah [malay@egroups.com](mailto:malay@egroups.com) dan boleh dicari di laman web <http://groups.yahoo.com/group/malay>. Kumpulan ini menawarkan perkhidmatan terjemahan dan jurubahasa dari atau ke dalam bahasa Melayu dan ada juga menawarkan projek terjemahan untuk penterjemah yang berminat. Kumpulan elektronik ini terdiri daripada penterjemah yang tidak mempunyai laman web mereka sendiri atau sesiapa yang meminati bidang terjemahan dan memerlukan perkhidmatan terjemahan. Penterjemah yang menjadi ahli kumpulan elektronik ini menggunakan senarai perbincangan (discussion list) untuk berinteraksi sesama mereka. Dari laman web kumpulan elektronik ini terdapat kira-kira 165 orang penterjemah yang berdaftar dan ini sedikit sebanyak membuka ruang untuk para penterjemah mencari kerja terjemahan dan perkhidmatan jurubahasa. Walau bagaimanapun, bilangan 165 penterjemah ini tidak diambil kira dalam kajian awal ini kerana mereka hanya berfungsi sebagai ahli kumpulan elektronik sahaja tanpa laman web yang lengkap untuk mengiklankan perkhidmatan yang mereka tawarkan.

Kumpulan elektronik yang kedua pula lebih terkenal di kalangan penterjemah tempatan ialah kumpulan elektronik Teraju yang boleh dihubungi melalui alamat [teraju@yahoogroups.com/group/teraju](mailto:teraju@yahoogroups.com/group/teraju). Ahli kumpulan elektronik ini terdiri dari 148 orang penterjemah-penterjemah yang aktif dalam profession mereka dan pelajar-

pelajar yang berminat dan sedang mempelajari bidang terjemahan. Kumpulan ini agak aktif dalam perbincangannya mengenai isu-isu semasa mengenai bidang terjemahan di Malaysia.

### **Perbandingan antara Penterjemah Bebas dan Syarikat Terjemahan Dalam Talian Malaysia dan Luar Negara**

Apabila kita melayari Internet, tidak sukar untuk mencari laman web yang menawarkan perkhidmatan terjemahan yang berdaftar di luar negara. Jikalau kita menggunakan gelintar cari *Yahoo.com*, beribu laman web syarikat terjemahan, penterjemah bebas dan agensi terjemahan yang boleh ditemui. Untuk membuat perbandingan antara penterjemah bebas dan syarikat terjemahan luar negara dan tempatan, dua penterjemah bebas yang berpusat di Itali dan India, serta dua syarikat terjemahan yang berpusat di Amerika Syarikat dan United Kingdom dipilih. **Penterjemah Bebas Dalam Laman Web Tempatan dan Luar Negara**

Menurut Quah dan Dhillon (2000), pada Januari 2000, pangkalan data yang beralamat di <http://aquarius.net> menyenaraikan lebih kurang 11,000 penterjemah bebas yang berdaftar. Dari jumlah yang besar itu, jumlah terbesar penterjemah bebas tersebut menterjemahkan teks pengurusan perniagaan diikuti oleh penterjemahan teks undang-undang dan seterusnya teks kejuruteraan. Penterjemah bebas di Malaysia memang jauh lebih kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan penterjemah bebas yang berdaftar di pangkalan data tersebut.

Laman web penterjemah bebas yang berdaftar di Itali yang dipilih ialah Carlos Mario Chierotti di alamat <http://www.geocities.com/athens/parthenon/9704/Info.html>. Laman web Chierotti menyediakan maklumat yang lengkap mengenai dirinya, pasangan bahasa terjemahan dua hala iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Itali, jenis dan subjek teks yang diterjemahkan dan alamat e-mel. Penterjemah bebas dalam-talian kedua ialah dari India, iaitu Sanjay Kumar Ray yang beralamat di <http://www.translatebengali.com/>. Ray hanya menggunakan bahasa Inggeris dalam laman webnya tetapi menterjemahkan pelbagai bahasa iaitu bahasa Inggeris, Russia, Hindi dan Benggali. Namun beliau tidak memberikan hala bahasa terjemahan yang dilakukan. Laman web Ray agak pendek dan hanya maklumat penting yang diberi seperti jenis teks terjemahan, kelayakannya, perkakasan yang digunakan dalam kerja terjemahannya, alamat pos dan e-mel. Perkhidmatan terjemahan yang ditawarkan oleh Ray hanya meliputi bidang komersil, petroleum, teknikal dan kimia.

Jika dibandingkan dengan penterjemah bebas dalam-talian Malaysia dengan laman web Chierotti dan Ray, bahasa yang terlibat dalam kerja terjemahan mereka dinyatakan dengan jelas. Penterjemah bebas di Malaysia kebanyakannya menggunakan bahasa Inggeris seperti laman web Ray. Dari segi isi laman web, jenis perkhidmatan dan jenis teks pula tidak banyak perbezaan antara laman web penterjemah bebas dalam-talian negara dan laman web penterjemah bebas dalam-talian dari Itali dan India ini. Walau bagaimanapun, laman web penterjemah bebas Chierotti memberi penjelasan yang lebih terperinci mengenai pengalaman dan jenis teks yang diterjemahkannya.

## **Syarikat Terjemahan Tempatan dan Luar Negara**

Apabila dibandingkan syarikat terjemahan tempatan dengan luar negara, perbezaan ketara yang dapat dilihat ialah jumlah bahasa yang diterjemahkan. Dua syarikat terjemahan yang berdaftar di luar negara iaitu Wordzone (<http://www.aaarapid.com>) dari Amerika Syarikat dan Tongue Tied (<http://www.tonguetied.co.uk>) dari United Kingdom menawarkan terjemahan pelbagai bahasa moden malah laman webnya juga dalam pelbagai bahasa. Laman web tempatan majoritinya terhad kepada beberapa bahasa tertentu. Tambahan lagi, syarikat luar negara ini bukan sahaja menawarkan perkhidmatan terjemahan tetapi juga perkhidmatan jurubahasa dan latihan untuk penterjemah bebas yang ingin memajukan diri dalam bidang terjemahan. Seperti syarikat terjemahan tempatan, syarikat terjemahan luar negara ini juga menawarkan perkhidmatan seperti atur huruf, lokalisasi laman web dan pelbagai perkhidmatan lain. Apa yang menarik mengenai syarikat terjemahan luar negara seperti Tongue Tied dari United Kingdom ini ialah penyenaian nama pelanggan mereka yang terdiri daripada firma terkenal seperti American Express, Thomas Cook Group dan The Body Shop. Ini penting untuk memberi keyakinan kepada pelanggan terhadap mutu dan tahap keiktisan syarikat tersebut. Hanya seorang penterjemah bebas iaitu Latif Abidin yang menyenaraikan pelanggannya.

Pelbagai jenis teks diterjemahkan oleh penterjemah bebas dan syarikat terjemahan dalam-talian. Jika dilihat jenis teks yang paling banyak diterjemahkan oleh penterjemah bebas dan syarikat terjemahan dalam-talian tempatan ialah teks yang berkaitan dengan bidang utama tertentu seperti bidang perniagaan, komersil dan teknikal.

Selain daripada perkhidmatan terjemahan, penterjemah bebas dan syarikat terjemahan dalam-talian di Malaysia juga menawarkan perkhidmatan lain seperti penyuntingan dan penyemakan kerja terjemahan. Perkhidmatan yang popular ditawarkan oleh penterjemah bebas dan syarikat terjemahan tempatan ialah terjemahan, lokalisasi, mereka dan mengembangkan laman web. Apa yang menarik ialah syarikat terjemahan dalam-talian tempatan menawarkan perkhidmatan yang berbagai jenis apabila dibandingkan dengan penterjemah bebas tempatan. Hanya tiga orang penterjemah bebas dan satu syarikat terjemahan dalam laman web tempatan yang menyebut mengenai bayaran terjemahan yang dikenakan. Penterjemah bebas dan syarikat terjemahan yang lain hanya mengatakan bahawa mereka menawarkan harga yang berpatutan.

## **Reka Bentuk Laman Web**

Laman web penterjemah bebas didapati mempunyai ciri-ciri tersendiri dari segi reka bentuk. Kelima-lima penterjemah bebas dalam-talian laman web di Malaysia mempunyai laman web yang menarik dan dua daripada mereka menawarkan laman web dwi-bahasa. Walau bagaimanapun, ada perbezaan antara penterjemah bebas tempatan dan luar negara. Perbezaan yang ketara ialah penterjemah bebas dalam-talian luar negara memberi butiran mengenai kelayakan, perkhidmatan dan pengalaman terjemahan yang lebih lengkap dan menawarkan terjemahan dalam pelbagai bahasa.

Laman web syarikat terjemahan tempatan yang didapati dalam kajian awal ini mempunyai reka bentuk yang tersendiri untuk menyampaikan maklumat tentang syarikat mereka kepada pelanggan seperti bahasa terjemahan, jenis teks dan perkhidmatan selain terjemahan yang ada ditawarkan. Apabila dibandingkan syarikat terjemahan tempatan dengan luar negara, perbezaan yang paling ketara ialah jumlah bahasa yang diterjemahkan dan jenis-jenis perkhidmatan selain terjemahan yang ditawarkan. Syarikat terjemahan swasta luar negara menawarkan terjemahan dalam pelbagai bahasa moden dunia beserta laman web mengikut bahasa-bahasa yang ditawarkan. Perkhidmatan lain selain terjemahan yang ditawarkan ialah perkhidmatan jurubahasa dan kursus latihan untuk penterjemah-penterjemah bebas.

## **Kesimpulan**

Senario terjemahan dalam-talian di Malaysia jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan terjemahan boleh dibahagi kepada dua, iaitu penterjemah bebas dan syarikat terjemahan. Penterjemah bebas yang menggunakan laman web untuk mengiklankan perkhidmatan mereka boleh bersaing dengan syarikat terjemahan yang mempunyai beberapa penterjemah yang juga menawarkan perkhidmatan mereka kepada pelanggan sama ada di dalam atau di luar Malaysia. Semua penterjemah bebas dan syarikat terjemahan dalam-talian tempatan ini hanya berpusat di Malaysia kecuali syarikat terjemahan K Yip Associates yang juga mempunyai rakan kongsi dan alamat mel elektronik di Taiwan, Jepun, Korea, Amerika Utara dan Eropah. Perkhidmatan terjemahan sebegini sedikit sebanyak merancakkan dan meningkatkan daya saing kegiatan terjemahan dan boleh mempromosikan perkhidmatan yang ada di tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa. Di negara-negara barat, perkhidmatan terjemahan yang diiklankan dalam laman web sudah menjadi sesuatu yang lumrah. Dewasa ini, bukan sahaja laman web yang disediakan malah gelintar cari seperti *Alta Vista* juga menawarkan terjemahan dalam-talian secara percuma. Bahasa-bahasa yang diterjemahkan merupakan bahasa-bahasa Eropah seperti bahasa Inggeris, Sepanyol, Perancis, Jerman dan lain-lain. Malangnya agak sukar mencari laman web antarabangsa yang boleh menterjemahkan dari atau ke dalam bahasa Melayu. Laman web tempatan yang mengiklankan perkhidmatan terjemahan ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada industri terjemahan tempatan. Ini membuka pasaran penterjemah bebas dan syarikat terjemahan memasuki pasaran antarabangsa dengan penawaran terjemahan dari atau ke dalam bahasa Melayu.

## **Rujukan**

Altanero, T. 2001. "A Tale of Two Translation Companies: How Accurapid, Inc., and Ralph McElroy Translation Company have survived a decade of rapid change" (Dalam talian) <http://www.multilingual.com>. (10 April 2001).

Gupta, U. 2000. *Information Systems: Success in the 21 st Century*. USA: Prentice Hall Inc.

NorSuzana Saari. 2003. Persatuan Penterjemah Malaysia. Perbualan telefon, 23 Disember.

Siti Rafiah Sulaiman. 2004. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Perbualan telefon. 13 Feb.



Senn, J. A. 1998. *Information Technology in Business: Principles, Practices and Opportunities*. USA: Prentice Hall Inc.

Stair, R. M. & Reynolds, G.W. 1999. *Principles Information Systems*. Cambridge: Course Technology.

Quah, C. K. 1998. Translation in Malaysia in the 1990s. *Translatio*. XVII (3). Belgium. 199-223.

Quah, C. K. & Jesmitt Dhillon. 2000. 'Translation market on the Internet'. 24 March 2000. A paper presented at NTT Communication Science Laboratories, Kyoto, Japan.

**Lampiran 1**

**Lampiran 2**

**Lampiran 3**

**Lampiran 4**

**Lampiran 5**

### **Biodata**

Intan Safinaz Zainudin is currently lecturing at School of Language Studies and Linguistics, Faculty of Social Science and Humanities, UKM. Her research interests include Theory and Practice in Translation, Corpus Studies and Lexicography.

Quah Chiew Kin, PhD. is currently working on her book entitled '*Translation and technology*', which is scheduled to be published in 2005. Her interest in translation continues through her writings in recent years after leaving her teaching career at the University Kebangsaan Malaysia. She is scheduled to begin a new research on the translations of the writings of a Malaysian writer.